

Penganggur miliki 732 biji telur penyu dipenjara

Tertuduh dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM50,000 atau penjara enam bulan setelah disabitkan bersalah memiliki 732 biji telur penyu laut tanpa kebenaran Kontroler Hidupan Liar.

KUCHING: Seorang lelaki yang menganggur semalam dijatuhi hukuman penjara lapan bulan dan denda RM50,000 atau penjara enam bulan setelah disabitkan bersalah memiliki 732 biji telur penyu laut tanpa kebenaran Kontroler Hidupan Liar.

Hakim Musli Abdul Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Nazarudin Zuami, 33, yang mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 37 (1) Ordinan Perlindungan Hidupan Liar 1998, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 37 (2)(a) serta dibaca bersama Seksyen 29 (1)(c) ordinan yang sama.

Peruntukan tersebut membawa hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda maksimum RM25,000 bagi setiap bahagian haiwan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di skim penempatan semula di Jalan Batu Kawa di sini kira-kira jam 10 pagi, 13 Ogos lalu.

Berdasarkan fakta kes, satu operasi bersepadu yang melibatkan pegawai daripada Sarawak Forestry Corporation (SFC) dan Ibu Pejabat Pasukan Polis Marin Wilayah 5 Kuching telah menyerbu rumah tersebut sebagai sebahagian daripada Operasi Bersepadu Khazanah selepas menerima maklumat risikan.

Semasa serbuan itu, Nazarudin ditahan kerana disyaki memiliki telur penyu laut tanpa kebenaran.

Sangkaan tersebut disahkan apabila hasil pemeriksaan mendapat terdapat 732 biji telur penyu dalam simpanannya, di mana 577 biji dalam sebuah bakul plastik hijau, 42 biji dalam plastik ungu, 93 biji dalam beg plastik merah dan 20 biji lagi dalam beg plastik putih.

Pasukan serbuan kemudian merampas kesemua telur tersebut selepas tertuduh gagal mengerngukkan sebarang kebenaran atau lesen sah daripada Kontroler Hidupan Liar.

Hasil siasatan lanjut mendapat telur penyu itu adalah

daripada keluarga Cheloniidae yang diklasifikasikan sebagai Haiwan Terlindung



DIHUKUM: Nazarudin (tengah) diiring keluar dari kamar mahkamah oleh seorang pegawai SFC di Kompleks Mahkamah Kuching.



JELAS: Telur penyu yang dirampas dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti kes.

Sepenuhnya di bawah Bahagian 1 Jadual Pertama ordinan tersebut.

Pegawai pendakwa Leonard Baring dan Willy Chin Siaw Min hadir mewakili

pihak pendakwaan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.